

# UMS ambil berat kebajikan pendidik

U M 12.11.2014 30

**LABUAN 11 Nov.** - Menguruskan sesebuah institusi pengajian tinggi (IPT) bukan hanya melibatkan golongan mahasiswa semata-mata, sebaliknya permasalahan dan kebajikan warga pendidik perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Untuk itu, Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengambil langkah mendekati golongan pensyarah dalam satu pertemuan bagi mendapatkan pelbagai maklumat berhubung suara hati mereka.

Pertemuan itu diadakan melibatkan Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Murnizam Halik bersama para pensyarah Fakulti Komputer Informatik (FKI) di Bangunan Menara, baru-baru ini.

Menurut kenyataan UMSKAL, pertemuan tersebut sebagai mencari kaedah menangani sebarang permasalahan yang dihadapi oleh golongan pensyarah di kampus tersebut, selain dalam masa yang sama mengeratkan lagi hubungan

silaturahim.

“Selain terdapat isu baharu yang dibangkitkan oleh kakitangan akademik di fakulti tersebut; pihak pengurusan juga berusaha menyelesaikan permasalahan yang dihadapi sebelum ini secara baik demi manfaat semua pihak,” jelas kenyataan itu.

Selain Murnizam, pertemuan turut dihadiri Dekan FKI, Prof. Madya Dr. Awang Asri Awang Ibrahim bersama dua timbalannya, Dr. Zamhar Iswandono dan Ryan Andrias Macdonell.

UMSKAL menambah, selain mengadakan perbincangan bagi mencari jalan penyelesaian terbaik, kesempatan itu juga digunakan untuk meningkatkan motivasi serta prestasi golongan pendidik tersebut.

Ujarnya, perbincangan turut menjurus kepada golongan penuntut dan kakitangan di fakulti tersebut, sekali gus mewujudkan satu situasi lebih harmoni serta suasana pembelajaran lebih kondusif.

